











# PULIHARA IKAN YU DAN PARI ELAKKAN KEPUPUSAN



Sebanyak 68 spesies ikan yu dan 84 spesies pari telah ditemui dalam perairan Malaysia. Pada masa sekarang Sarawak menjadi negeri paling banyak mendaratkan ikan yu dan pari kerana kawasan tangkapan ikan yang luas dan habitat yang sesuai. Pengurusan sumber yang cekap, ekosistem marin dan kawasan pesisiran pantai yang subur turut menyumbang kepada kelestarian hidupan ini di Malaysia. Ikan yu membiak dengan cara bertelur dan beranak manakala semua ikan pari membiak secara beranak. Jumlah anak tidak banyak kecuali yu paus. Jumlah anak yu paus yang paling tinggi pernah direkodkan ialah 300 ekor. Bagi ikan pari bilangan anak yang dilahirkan biasanya kurang dari 20 ekor. Tempoh bunting yu dan pari ada yang pendek dan ada yang panjang sehingga 13 bulan. Tempoh bunting berbeza-beza mengikut spesies. Untuk pari manta tempoh bunting antara 12-13 bulan. Spesies yu dan pari yang bersaiz besar seperti yu paus dan pari manta hanya mencapai usia matang selepas lebih 10 tahun. Keadaan ini menyebabkan beberapa spesies terdedah kepada ancaman kepupusan jika ditangkap secara tidak lestari. Tindakan nelayan menangkap semasa masih juvenil dan induk yang sedang mengandung dan bertelur juga boleh menyebabkan kepupusan kepada sumber ini dalam tempoh yang panjang.

Bagi memastikan ikan yu dan pari tidak mengalami kepupusan, spesies ikan yang berikut dilindungi di bawah Peraturan-peraturan Perikanan (Pengawasan Spesies Ikan Yang Terancam)1999, Akta Perikanan 1985.

## SPESES IKAN YANG DILINDUNGI DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (PENGAWALAN SPESES IKAN YANG TERANCAM)1999, AKTA PERIKANAN 1985.

 <p><b>Semua spesies pari gergaji</b> (<i>Anoxypristis cuspidata</i> dan <i>Prists</i> spp)</p> <p>Ikan pari ini dipanggil ikan yu gergaji, yu parang dan yu todak oleh rakyat Malaysia kerana bentuk fizikal terutamanya sekali siripnya seperti ikan yu manakala "rostrum"-nya atau muncungnya pula seperti mata gergaji. Ikan ini dikelaskan sebagai pari dari segi taksonomi kerana insangnya berada di bahagian bawah kepala bukannya di bahagian sisi kepala. Kedudukan insang ini membezakannya dengan ikan yu yang insangnya terletak di bahagian kiri dan kanan kepala. Anak-anak kecil dilaporkan ditangkap dalam jumlah yang banyak di Malaysia pada tahun 1950-an selepas jaring mula digunakan. Sejumlah 13 rekod tangkapan dapat dikesan di Malaysia bagi tempoh 1950 hingga 2018.</p>	 <p><b><i>Sphyma mokarran</i> (Yu tukul parang)</b></p> <p>Spesies yu tanduk paling besar. Boleh membesar melebihi 6 meter panjang. Puncak sirip dorsal kedua yu ini berwarna hitam semasa juvenil sahaja. Sirip dorsal pertamanya tinggi, menirus dan puncaknya melengkung ke belakang. Bahagian belakang sirip pectoralnya hampir mengukung. Ikan jantan matang selepas berukuran 2.3 meter panjang dan ikan betina selepas 2.5 meter. Bilangan anak paling banyak direkodkan ialah 50 ekor selepas mengandung selama 11 bulan. Panjang anak ketika baru lahir berukuran antara 50-70 cm. Ikan dewasa berbahaya kepada manusia.</p>	 <p><b><i>Eusphya blochii</i> (Yu tukul palang)</b></p> <p>Yu tukul saiz sederhana dan mempunyai kepala yang sangat panjang, seolah-olah seperti sayap. Lebar kepala dari satu hujung ke hujung yang lain kira-kira 40% hingga 50% daripada panjang badan. Saiz maksimum pernah direkodkan ialah 1.86 meter. Ikan jantan matang selepas berukuran 1.0 meter, manakala betina ketika berukuran 1.2 meter. Panjang anak ketika dilahirkan antara 32.47 cm. Bilangan anak paling banyak direkodkan ialah 25 ekor. Penyelidik Jabatan Perikanan Malaysia pernah menemui beberapa ekor di Mukah Sarawak pada tahun 2004. Selepas itu tidak lagi ditemui. Walaupun masih kerap ditemui di wilayah Kalimantan Indonesia tetapi tidak dapat dipastikan adakah dari populasi yang sama dengan yang ditemui di Sarawak.</p>
 <p><b><i>Sphyma zygaena</i> (Yu tukul)</b></p> <p>Kemungkinan ditemui amat jarang sebab spesies ini belum ditemui didaratkan di Malaysia oleh nelayan tempatan. Walau bagaimanapun buku-buku taksonomi yang diterbitkan sebelum 2005 mencatatkan hanya spesies ini terdapat di Malaysia. Kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan Malaysia di seluruh Malaysia antara tahun 1999-2019 tidak menemui spesies ini dan mendapati penulis terdahulu telah merekodkan spesies <i>Sphyma lewini</i> sebagai <i>Sphyma zygaena</i>. Saiz maksimum ialah 3.5 meter. Ikan jantan matang ketika berukuran 2.5 meter dan betina 2.65 meter. Panjang anak ketika dilahirkan ialah antara 90-90 cm. Bilangan anak paling banyak direkodkan ialah 21 ekor selepas bunting selama 10-11 bulan. Ikan ini kurang berbahaya kepada manusia.</p>	 <p><b><i>Carcharhinus longimanus</i> (Yu sirip putih besar)</b></p> <p>Spesies ini sekali sekala tertangkap dalam perairan Sabah dan Sarawak. Ikan ini hanya mendiami kawasan laut lepas yang dalam dan tidak pernah ditemui didaratkan oleh pukat tunda dan rawai tuna semasa kajian dijalankan oleh Jabatan Perikanan Malaysia dan SICAF/DCO antara tahun 2003-2018. Ikan ini hanya ditangkap di laut dalam menggunakan rawai dan pukat hanyut tuna. Panjang maksimum pernah direkodkan ialah 3.95 meter. Ikan jantan matang bila berukuran lebih 1.9 meter dan yang betina kira-kira 1.8 meter. Bilangan anak paling banyak pernah direkodkan ialah 15 ekor selepas mengandung selama 10-12 bulan. Panjang anak ketika dilahirkan lebih dari 60 cm. Ikan dewasa berbahaya kepada manusia.</p>	 <p><b><i>Rhincodon typus</i> (Yu paus)</b></p> <p>Yu paus ialah spesies yu yang terbesar dan tidak berbahaya kepada manusia. Ikan ini bergerak perlahan dan memakan ikan lain atau udang baring dengan cara menapis. Panjang anak semasa dilahirkan antara 40-80 cm. Umur matang dianggarkan 30 tahun. Ikan ini boleh mencapai 13 meter panjang dan berat 35.8 tan metrik. Bilangan anak paling banyak direkodkan ialah 300 ekor. Sainsis percaya bahawa terdapat yu paus yang boleh hidup sehingga lebih 100 tahun. Yu paus pernah direkodkan terperangkap dalam pukat tunda di Malaysia dan ada yang berjaya dilepaskan hidup-hidup oleh nelayan yang prihatin.</p>
 <p><b><i>Mobula birostris</i> (Pari kerbau, phagii, plampangan, cawang kalung, pagi sanga, sanga)</b></p> <p>Ditemui di Sabah, jarang ditemui di negeri lain. Spesies pari paling besar di dunia. Mempunyai dua sirip di hujung kepala seperti bentuk tanduk dan sirip pectoral yang sangat lebar tetapi menirus di hujungnya. Kulit agak kasar kerana terdapat dentikel yang timbul terutamanya pada spesimen yang dewasa. Dentikel <i>Mobula birostris</i> mempunyai lebih dari satu lekuk dan berbeza dengan dentikel pada <i>Mobula alfredi</i> yang leper dan tidak berlekuk. Ukuran saiz maksimum lebar badan pernah direkodkan ialah 9.10 meter dengan berat 1,360 kg. Membiak secara beranak. Hanya seekor anak yang dilahirkan selepas bunting selama setahun. Ukuran lebar antara dua hujung sirip pectoral ketika dilahirkan ialah 122-149 cm. Pari jantan matang selepas berukuran 375 cm dan betina berukuran 380 cm. Tidak berbahaya kepada manusia. Boleh hidup sehingga lebih 20 tahun.</p>	 <p><b><i>Mobula alfredi</i> (Pari kerbau, phagii, plampangan, cawang kalung, pagi sanga, sanga)</b></p> <p>Ditemui di Sabah. Spesies pari manta kedua terbesar di dunia selepas <i>Mobula birostris</i>. Mempunyai dua sirip di hujung kepala seperti bentuk tanduk. Sirip pectoral juga sangat lebar. Ukuran lebar paling besar pernah direkodkan ialah 5.5 meter dengan berat 700 kg. Membiak secara beranak. Bilangan anak ialah antara 1-2 ekor pada setiap 2-3 tahun. Tempoh bunting antara 12-13 bulan. Ketika baru lahir ukuran lebar antara kedua hujung sirip pectoral kira-kira 140 cm dengan berat sekitar 9 kg dan warnanya menyerupai yang dewasa. Selepas lahir, anak akan tinggal dalam persekitaran air cetek kawasan batu karang selama beberapa tahun untuk membesar. Boleh hidup sehingga lebih 20 tahun. Tidak berbahaya kepada manusia.</p>	

## TANGKAP SECARA LESTARI

Anda sebagai nelayan boleh membantu Jabatan Perikanan Malaysia memulihara ikan yu dan pari dengan menangkap secara lestari melalui pendekatan berikut:


Jika tertangkap anak ikan yu dan pari sila lepaskan balik supaya mereka boleh membesar dan membiak



Jika mempunyai maklumat penemuan spesies yang diancam kepupusan, maklumkan kepada Jabatan Perikanan supaya tindakan penghebah maklumat boleh dijalankan kepada semua nelayan.



Jika tertangkap ikan yu dan pari yang murah atau tidak laku dijual, sila lepaskan balik dan jangan dijual sebagai ikan baja. Biarkan terus membiak. Mungkin spesies ini akan mahal harganya pada masa akan datang. Telur yu juga perlu dikembalikan semula ke laut supaya boleh menetas.



Jangan menggunakan pukat yang diharamkan seperti pukat pari, rawai tanpa umpan dan jangan mencerooboh ke dalam kawasan larangan jika mengusahakan pukat tunda.



Jika tertangkap ikan yu, pari *Mobula alfredi* dan *Mobula birostris* yang disenaraikan sebagai spesies yang dilindungi, sila lepaskan balik supaya mereka boleh hidup dan membiak.

